

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN DENGAN PENGUNAAN INTERNET KANAK-KANAK

Wan Anita Wan Abas
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
anita@upm.edu.my

ABSTRAK

Peranan ibu bapa dalam penyediaan teknologi dan pemantauan penggunaan teknologi di peringkat keluarga adalah sangat penting kerana proses pendidikan dalam diri individu bermula daripada sejak dini. Tingkah laku pemantauan ibu bapa terhadap penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak adalah berasaskan gaya keibubapaan yang diimplimentasi dalam proses perkembangan anak-anak. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara pola penggunaan Internet dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah dengan gaya keibubapaan. Gaya keibubapaan kajian ini merujuk kepada gaya autoritarian, autoritatif, permisif, dan pengabaian (Baumrind, 1991; Maccoby & Martin, 1983). Kajian ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik melibatkan 350 murid berumur 10 dan 11 tahun dan penjaga mereka di beberapa buah sekolah kebangsaan di sekitar Putrajaya. Secara umumnya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa gaya keibubapaan autoritatif adalah cara yang paling biasa digunakan oleh ibu bapa, diikuti dengan gaya permisif dan autoritarian. Sementara gaya pengabaian adalah cara yang paling sedikit digunakan oleh ibu bapa. Keputusan ini menggambarkan bahawa ibu bapa yang inginkan proses pembelajaran dalam kalangan anak-anak, mengiktiraf akan potensi kesan positif internet ke atas anak-anak. Mereka menyokong penggunaan internet oleh anak-anak dengan peraturan atau had yang munasabah. Di samping itu, aktiviti penggunaan internet oleh anak-anak pula didapati lebih cenderung kepada penggunaan untuk tujuan hiburan dengan purata masa penggunaan selama 3 jam sehari. Sebagai kesimpulannya, pemantauan terhadap penggunaan internet oleh anak-anak sejak awal memerlukan kesungguhan dan kesabaran di pihak ibu bapa dalam perkembangan teknologi semasa, agar ia dapat dimanfaatkan seoptimum mungkin demi kesejahteraan pembangunan insan dan membantu proses pendidikan keseluruhannya.

Kata kunci: gaya keibubapaan internet, pemantauan ibu bapa, penggunaan internet, sekolah rendah

PENGENALAN

Dewasa ini internet merupakan alat yang sangat popular dan sedang mengubah budaya, aktiviti harian, serta cara bersosial dan bekerja dalam kalangan masyarakat pada semua peringkat dan golongan. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak telah semakin biasa (Johnson, 2010). Ini dibuktikan melalui laporan World Internet Project (2013), lebih 90% kanak-kanak dalam lingkungan umur 12 hingga 14 tahun telah menggunakan internet secara meluas. Selain itu, kajian Rideout, Foehr, dan Roberts (2010) telah menunjukkan bahawa kanak-kanak merupakan populasi internet yang paling cepat meningkat dari segi jumlah masa yang dihabiskan secara atas talian.

Tidak dapat dinafikan bahawa internet merupakan salah satu teknologi yang penting masa kini yang dapat membantu pembangunan dan perkembangan kanak-kanak secara positif kerana ia menyediakan pelbagai peluang dan manfaat untuk digunakan. Soeters and Van Schaik (2006) menegaskan bahawa dengan penggunaan internet, kanak-kanak melalui pengalaman yang sangat hebat, namun ia juga boleh menjadi persekitaran yang sangat bahaya kepada mereka. Malah ancaman dan risiko daripada internet dikatakan semakin kompleks dan meningkat secara drastik dari semasa ke semasa (Byun, Ruffni, Mills, Douglas, Niang, Stepchenkova, Lee, Loutfi, Lee, Atallah & Blanton, 2009; The Star, 2009; The Strait Times, 2009).

Penggunaan Internet dalam kalangan Kanak-kanak

Penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia yang berumur antara 9 hingga 16 tahun adalah sangat meluas. Dapatan kajian menunjukkan lebih separuh daripada kanak-kanak menggunakan internet secara ekstensif setiap hari (Sarina, Mohd Nizam, Md. Salleh & Misha, 2014). Biasanya penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak termasuklah untuk berkomunikasi (contoh e-mel), mencapai maklumat (mengunjungi laman web tertentu), dan bermain game (Johnson, 2006). Menurut Johnson dan Johnson (2008), kanak-kanak yang menggunakan internet di rumah untuk tujuan pembelajaran dan berkomunikasi menunjukkan penguasaan bahasa dan meta kognisi yang lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang tidak terlibat dengan tingkah laku dalam talian (*online*). Valkenburg dan Peters (2007) pula mendapati kanak-kanak yang selesa- bersosial (*socially-comfortable*) lebih kerap berkomunikasi secara dalam talian berbanding dengan kanak-kanak yang bimbang-bersosial (*socially-anxious*). Kanak-kanak lelaki yang menggunakan e-mel secara kognitifnya adalah lebih sofistikated dan lebih popular dalam kalangan rakan-rakan mereka, berbanding dengan kanak-kanak yang tidak menggunakan e-mel (Johnson & Buck, 2009). Walau bagaimanapun, menggunakan media berskrin secara berlebihan seperti internet juga dikatakan mempunyai perkaitan dengan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak (Vandewater, Shim, & Caplovitz, 2004).

Penggunaan internet yang paling popular dalam kalangan kanak-kanak dan dewasa adalah bermain games (Hammer & Black, 2009). Van Deventer dan White (2002) telah memperhatikan pemain mahir video game kanak-kanak berumur 10-11 tahun mendapati mereka mempunyai tahap keupayaan yang tinggi dalam aspek kawalan-kendiri, pengecaman pola, dan memori visual. DeBell dan Champman (2006) merumuskan bahawa penggunaan internet dapat menggalakkan perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak, terutamanya dalam aspek kepintaran visual. Hal ini kerana sesetengah aktiviti komputer, khususnya games, boleh meningkatkan keupayaan untuk mengawal beberapa ransangan visual secara serentak; seperti untuk membaca rajah, mengecam ikon, dan membayangkan hubungan antara ruang. Walau bagaimanapun, bermain video games boleh juga dikaitkan dengan zaman kanak-kanak yang mudah terganggu, terlebih rangsangan, permusuhan dan pencerobohan (Anderson, Gentile, & Buckley, 2007).

Daripada perspektif pendidikan, internet dapat membantu kanak-kanak “memanipulasi pelbagai maklumat yang terdapat di dalamnya untuk tujuan pembelajaran dan meningkatkan pembelajaran menerusi komunikasi” (Fuchs & Wobmann, 2005, ms. 4). Li dan Atkins (2004) juga berpendapat kanak-kanak pra sekolah yang terdedah kepada komputer sejak awal berkaitan dengan kesediaan untuk ke sekolah. Kumtepe (2006) mendapati bahawa kanak-kanak yang celik komputer diukur oleh guru-guru mereka sebagai mempunyai kemahiran sosial yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang tidak celik komputer.

Pemantauan oleh Ibu Bapa

Kebanyakan ibu bapa hari ini sedar akan potensi yang besar pengaruh internet terhadap perkembangan anak-anak mereka. Peranan ibu bapa memantau penggunaan internet anak-anak sangat penting dan mendesak (Duerager & Livingstone, 2012; Valcke, De Wever, Van Keer, & Schellens, 2011). Dalam banyak keadaan, ibu bapa tidak sedar tentang anak-anak yang menggunakan internet secara tidak bersesuaian dan mereka terdedah kepada laman-laman yang tidak sesuai. Dengan demikian, keadaan ini sangat memerlukan pemantauan ibu bapa terhadap penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, penyelidikan-penyelidikan dalam bidang keibubapaan sangat menitikberatkan kepentingan kajian pemantauan media dilaksanakan bagi membantu menangani kanak-kanak daripada terlibat dengan ancaman internet.

Dalam memantau penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa berdepan dengan beberapa cabaran. Ini termasuklah penyerakan media di rumah, terutamanya sifat teknologi yang mudah alih boleh dibawa ke mana-mana dari tempat makan hingga ke bilik tidur. Selain itu, pertambahan kuantiti dan kekompleksan media dan teknologi komunikasi baharu yang berupaya melaksanakan pelbagai fungsi dengan hanya satu alat menjadikannya pelbagai guna dan pada masa yang sama boleh memberi pelbagai kesan buruk yang lain. Keadaan menjadi lebih buruk apabila golongan dewasa sendiri yang kurang mahir dalam

aspek-aspek teknikal media baharu menyebabkan implimentasi pemantauan yang baik dan berkesan di rumah terhalang (Facer, Furlong, Furlong, & Sutherland, 2003; Livingstone & Bober, 2006). Kajian Johnson, Code, dan Zaparyniuk (2007), mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang terlibat sama semasa pembelajaran dalam talian mempamerkan penggunaan bahasa yang lebih ekspresif, perancangan metakognisi, dan ingatan audiotori yang lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang ibu bapa mereka tidak terlibat sama.

Penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Salah satu faktor ialah cara gaya keibubapaan terhadap anak-anak (Berg 2011; Rosen, Cheaver, & Carrier, 2008; Valcke, Bonte, Wever, & Rot, 2010). Dengan demikian, memahami jenis atau cara gaya keibubapaan ialah suatu perkara yang asas yang dikaitkan dengan penggunaan internet dalam konteks keluarga khususnya dalam kalangan kanak-kanak pada masa kini.

GAYA KEIBUBAAPAN

Gaya keibubapaan menggambarkan cara ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak dan memberi respons terhadap tingkah laku mereka. Mengikut Baumrind (1991), “parenting style is used to capture normal variations in parents’ attempts to control and socialize their children” (ms.57). Baumrind (1967) telah mengemukakan tiga jenis gaya keibubapaan, iaitu autoritarian, autoritatif, dan permisif. Sementara Maccoby & Martin (1983) telah mengembangkan gaya keibubapaan kepada penambahan satu jenis lagi gaya, iaitu gaya pengabaian. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa terdapat empat jenis gaya keibubapaan, iaitu gaya keibubapaan autoritarian, autoritatif, permisif, dan pengabaian. Keempat-empat gaya ini adalah hasil daripada interaksi antara dua faktor utama dalam tingkah laku keibubapaan, iaitu: 1) keibubapaan responsif atau kemesraan dan 2) keibubapaan kawalan atau permintaan (Baumrind, 1991; Maccoby & Martin, 1983).

Gaya Keibubapaan Autoritarian

Keibubapaan autoritarian dicirikan oleh ibu bapa yang mengamalkan permintaan yang tinggi dan responsif yang rendah terhadap anak-anak. Cara keibubapaan ini mengharapkan anak-anak untuk mematuhi sepenuhnya segala peraturan ketat yang dikenakan terhadap mereka. Ibu bapa autoritarian sangat mementingkan kepatuhan anak-anak, tidak menggalakkan perbincangan dengan anak-anak, mengehadkan kebebasan anak-anak, dan menetapkan tingkah laku yang diterima atau yang tidak diterima. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini menggunakan hukuman untuk mengawal anak-anak mereka, dan mereka tidak merasa keperluan untuk menerangkan alasan di sebalik tindakan hukuman tersebut (Dwairy, 2006). Dengan kata lain, ibu bapa mengharapkan anak-anak patuh kepada segala arahan dan peraturan tanpa bantahan. Kanak-kanak yang melalui pengalaman dalam keluarga sebegini mempunyai sangat sedikit kebebasan untuk bertindak.

Gaya Keibubapaan Autoritatif

Baumrind (1966, 1991) menerangkan ibu bapa yang mengadaptasi gaya ini adalah sangat menuntut dan responsif. Ibu bapa autoritatif mengenakan peraturan yang ketat tetapi memberi rasional kepada anak-anak mereka, dan secara amnya mereka adalah penyayang dan terlibat dengan anak-anak. Kaedah disiplin diadaptasi dalam suasana yang menyokong bukan untuk menghukum. Ibu bapa ini juga bersifat demokratik, mereka cenderung untuk memberi sokongan dan galakan, dan menjadi model tingkah laku yang bersesuaian terhadap anak-anak (Buri, Louiselle, Misukanis, & Mueller; 1988). Selain itu, ibu bapa autoritatif mempunyai jangkaan yang jelas dan munasabah terhadap anak-anak, terbuka dalam perbincangan, pendengar kepada anak-anak, dan mengukuhkan kualiti istimewa anak-anak (Kuczynski, 2003).

Gaya Keibubapaan Permisif

Ibu bapa gaya permisif adalah responsif tetapi tidak menuntut. Ibu bapa ini juga dikenali sebagai ibu bapa yang berkecenderungan memenuhi semua kehendak anak-anak, jarang menetapkan disiplin kepada anak-anak, cenderung mempunyai tahap kawalan yang rendah tetapi tinggi dalam kemesraan dengan anak-anak. Ibu bapa permisif juga tidak menyatakan hasrat mereka kepada anak-anak, mengelakkan konflik, berkomunikasi dengan anak-anak, dan menawarkan sokongan yang padu kepada anak-anak (Buri et al. 1988). Kesimpulannya mereka adalah ibu bapa yang sangat mesra, menerima, dan menyokong. Anak-anak dalam keluarga permisif dibesarkan dengan cara menerima kebebasan tanpa batasan.

Gaya Keibubapaan Pengabaian

Ibu bapa dengan gaya pengabaian dijelaskan sebagai ibu bapa yang tidak ambil peduli, tidak responsif atau tidak juga menuntut (Maccoby & Martin, 1983). Ibu bapa gaya ini secara normalnya adalah terasing daripada kehidupan anak-anak mereka. Mereka tidak berbuat apa-apa berkaitan dengan tingkah laku anak-anak, dan terlibat secara sangat minimum dengan aktiviti anak-anak (Kopko, 2007). Secara emosinya ibu bapa ini tidak begitu menyokong dan memberi maklum balas yang sangat sedikit. Mereka seakan-akan mengabaikan keperluan anak-anak, menunjukkan komunikasi yang buruk dan interaksi yang rendah dengan anak-anak (Maccoby, 1992).

Peranan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak sangat besar dan utama. Penggunaan internet yang semakin berleluasa dalam kehidupan kanak-kanak kini memberi cabaran yang besar dalam kefungsi keibubapaan. Kajian-kajian dalam bidang ini secara relatifnya adalah baru apatah lagi dalam konteks negara-negara timur seperti Malaysia berbanding barat. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pola penggunaan internet dalam keluarga, jenis pemantauan dan gaya keibubapaan berkaitan dengan penggunaan internet oleh kanak-kanak dalam konteks domestik.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik berstruktur sepenuhnya terhadap 345 orang murid sekolah rendah berumur 10 dan 11 tahun di sekitar Putrajaya dan ibu bapa mereka. Bagi mendapatkan data yang berkaitan, kajian ini menggunakan dua set soal selidik secara berasingan, iaitu untuk versi kanak-kanak dan versi ibu bapa. Set soal selidik kanak-kanak dijawab oleh murid di dalam bilik darjah di sekolah di bawah pemantauan penyelidik. Sementara set soal selidik ibu bapa diberi kepada ibu bapa melalui murid yang kemudiannya menyerahkan kepada penyelidik setelah ibu bapa mereka selesai menjawab. Sebanyak 296 soal-selidik ibu bapa dipulangkan daripada kanak-kanak dapat digunakan untuk analisis data. Soal selidik tersebut dikodkan secara numerikal. Setiap pasangan ibu bapa dan kanak-kanak dianalisis sebagai satu kes. Sebagai asas, kajian ini menumpukan kepada keluarga yang mempunyai komputer di rumah dan mempunyai akses kepada internet.

Pengukuran

Kekerapan penggunaan.

Kekerapan penggunaan diukur terhadap ibu bapa dan anak-anak, berdasarkan soalan berikut: Berapa kerapkah anda menggunakan internet, dalam bentuk skala 8 poin: daripada 1 (tidak pernah) hingga 8 (beberapa kali sehari). Jumlah masa penggunaan sehari pada hari bersekolah/bekerja dan masa penggunaan sehari pada hujung minggu juga diukur dengan soalan nisbah.

Aktiviti penggunaan.

Kanak-kanak ditanya dengan soalan seperti berapa banyak mereka menggunakan internet untuk tujuan menghantar dan menerima emel, menggunakan chatrooms, mesej segera (instant messaging @ IM), bermain games di talian, melihat atau membeli produk, memuat turun muzik, memuat turun video, mendengar muzik, menonton video, menonton TV, mendapatkan maklumat untuk kerja-kerja sekolah, menonton YouTube, dan menggunakan Facebook dalam bentuk skala 5 poin: daripada 1 (tidak pernah) hingga 5 (sangat kerap).

Skala gaya keibubapaan internet

Skala ini mengandungi 36 item yang meliputi empat gaya keibubapaan-otoritarian, autoritatif, permisif, dan pengabaian dengan skala 5 poin (1 sangat tidak setuju hingga 5 sangat setuju) yang diadaptasi daripada Baumrind (1991) dan Macobby dan Martin (1983).

HASIL KAJIAN

Data kajian dipersembahkan hasil daripada analisis terhadap jawapan soal selidik 296 ibu bapa dan anak yang mempunyai internet di rumah bagi mengenal pasti gaya keibubapaan internet yang diamalkan oleh ibu bapa dan penggunaan internet dalam kalangan anak-anak.

Dari segi demografi penjaga atau ibu bapa, kajian ini telah melibatkan seramai 83% responden wanita, berkahwin, dan secara purata mempunyai dua orang anak yang tinggal bersama ibu bapa di rumah. Kebanyakan responden berstatus berkahwin dan mempunyai dua atau lebih anak yang bersekolah tinggal bersama di rumah. Secara keseluruhannya, anak yang membawa balik soal selidik responden untuk kajian ini adalah agak seimbang dari segi jantina, sementara pendidikan responden didapati paling banyak berada pada tahap sarjana muda dan ke atas (lebih 35%), lulusan STPM atau Diploma (33.4%), dan tahap pendidikan kurang daripada SPM kurang 30%. Lebih 70% responden ibu bapa melaporkan mempunyai pendapatan kurang daripada RM 59,999 setahun.

Kajian ini mendapati 314 keluarga mempunyai komputer, dan daripada jumlah tersebut 296 keluarga melaporkan mempunyai akses kepada internet di rumah. Keluarga yang mempunyai komputer dan akses internet lebih cenderung dalam kalangan keluarga yang berpendidikan tinggi, dengan 67% terdiri daripada ibu bapa yang sekurang-kurangnya mempunyai sijil diploma dan ke atas. Selain itu, majoriti keluarga yang mempunyai akses internet terdiri daripada ibu bapa yang berkahwin dan tinggal bersama (78%). Mereka juga adalah golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah yang lebih tinggi berbanding yang lain.

Statistik crosstabulation dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara beberapa pemboleh ubah demografi. Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan antara tahap pendidikan ibu bapa dan status kerja ($r = -.12$, $p < .05$), dan pendapatan tahunan keluarga ($r = .42$, $p < .01$). Sebagai rumusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai internet di rumah terdiri daripada kalangan keluarga kelas pertengahan dan ke atas serta berpendidikan dan pendapatan tinggi.

Gaya Keibubapaan Internet

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya keibubapaan terhadap penggunaan internet oleh anak-anak. Nilai min keseluruhan dan sisihan piawai bagi setiap gaya ditunjukkan melalui Jadual 1. Dapatan kajian ini menunjukkan gaya keibubapaan dalam aspek penggunaan internet dalam kalangan anak-anak yang utama ialah gaya autoritatif, diikuti dengan permisif, dan autoritarian. Sementara gaya pengabaian adalah cara yang paling kurang digunakan oleh ibu bapa.

Jadual 1: Taburan min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan

Gaya Keibubapaan	Min	SP
Autoritatif	4.41	0.34
Permisif	4.17	0.46
Autoritarian	2.20	0.32
Pengabaiaan	1.69	0.61

Secara terperinci Jadual 2 hingga 5 adalah skor min dan sisihan piawai bagi setiap kategori gaya keibubapaan internet kajian.

Gaya Keibubapaan Internet Autoritatif

Jadual 2 menunjukkan bahawa ibu bapa yang mengadaptasi gaya keibubapaan internet autoritatif adalah berkecenderungan memberi panduan dan arahan kepada anak-anak tentang cara untuk menggunakan internet, yang menunjukkan nilai min yang paling tinggi ($M = 4.62$), diikuti dengan bercakap dengan anak tentang sesiapa yang boleh mereka berjumpa dan berinteraksi dalam talian ($M = 4.52$), bercakap tentang bahaya internet ($M = 4.48$). Walau bagaimanapun, ibu bapa yang menggalakkan anak-anak bercakap tentang pengalaman menggunakan internet adalah yang paling kurang dipraktikkan ($M = 4.28$).

Jadual 2: Taburan min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan autoritatif

Gaya Autoritatif	Min	SP
1. Saya berbincang dengan anak kebaikan dan keburukan Internet	4.32	0.46
2. Saya berbincang dengan anak untuk menetapkan peraturan tentang penggunaan Internet	4.24	0.43
3. Saya memberi panduan kepada anak tentang bagaimana menggunakan Internet dengan cara yang betul	4.62	0.57
4. Saya memberitahu anak tentang siapa yang mereka boleh hubungi atau jumpa menerusi Internet	4.52	0.61
5. Saya memberitahu anak tentang potensi bahaya Internet	4.48	0.61
6. Saya menggalakkan anak bercakap tentang pengalamannya menggunakan Internet	4.28	0.44
7. Saya menunjukkan simpati apabila anak kecewa semasa menggunakan Internet	4.45	0.60
8. Saya memberi maklum balas secara spontan kepada keperluan dan perasaan anak yang berkaitan dengan penggunaan Internet	4.33	0.48
9. Saya meminta anak supaya mereka memberitahu saya sekiranya mereka terjumpa sesuatu yang mereka tidak selesa daripada Internet	4.44	0.61
Jumlah	4.41	0.34

Gaya Keibubapaan Internet Permisif

Seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 3, skor min tertinggi bagi kategori ini adalah mengelak daripada mengkritik anak semasa mereka sedang menggunakan internet (M = 4.59), mengelak berkonfrantasi bila anak menggunakan internet terlalu banyak (M = 4.43), dan menerima semua pilihan anak-anak bila menggunakan internet (M = 4.36). Selain itu, kajian ini juga mendapati ibu bapa ibu bapa yang mempraktiskan gaya permisif kurang menetapkan limitasi masa terhadap penggunaan internet anak (M = 3.82), dan mengelakkan menetapkan peraturan apabila anak menggunakan internet (M = 3.75).

Jadual 3: Taburan min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan permisif

Gaya Permisif	Min	SP
1. Saya membantu anak bila mereka menghadapi masalah teknikal semasa guna Internet.	4.34	0.82
2. Saya memilih untuk tidak menetapkan had masa terhadap penggunaan Internet anak.	3.82	0.84
3. Saya menerima semua pilihan anak semas menggunakan Internet.	4.36	0.76
4. Saya menjelaskan kepada anak tentang apa yang mereka tidak fahami di Internet.	4.03	0.86
5. Saya memberitahu anak tentang potensi bahaya Internet.	4.12	0.85
6. Saya membenarkan anak untuk menonton atau mencari apa sahaja laman web yang mereka sukai.	3.75	0.85
7. Saya mengelak menetapkan peraturan ke atas penggunaan Internet anak.	4.43	0.68
8. Saya mengelak daripada berkonfrantasi bila anak menggunakan Internet terlalu banyak.	4.59	0.59
9. Saya membenarkan anak berhubung dengan kawan-kawan mereka menerusi Internet.	4.06	0.86
Jumlah	4.17	0.46

Gaya Keibubapaan Internet Autoritarian

Jadual 4 merumuskan gaya autoritarian ibu bapa yang secara khusus memberitahu anak-anak tentang apa yang mereka perlu buat dengan internet, yang menunjukkan nilai purata paling tinggi, iaitu 2.59 dan diikuti dengan mengenakan peraturan yang ketat berkaitan dengan masa yang dibenarkan kepada anak-anak untuk menggunakan internet. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini juga menunjukkan kecenderungan yang paling sedikit terhadap tindakan menampar anak apabila mereka melihat atau melawat laman yang tidak sesuai (M = 1.66) atau memukul anak apabila mereka menggunakan chat rooms atau media sosial (M = 1.87).

Jadual 4: Taburan min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan autoritarian

Gaya Autoritarian	Min	SP
1. Saya mengawal sepenuhnya apa yang dilihat anak di Internet.	2.34	0.48
2. Saya tahu apa yang anak saya buat di Internet.	2.19	0.39
3. Saya harapkan anak saya menggunakan Internet megikut apa yang saya arahkan padanya tanpa mempersoalkannya.	2.26	0.44
4. Saya beritahu anak dengan tepat apa yang boleh dan tidak boleh mereka layari di Internet.	2.59	0.50
5. Saya menampar anak sekiranya dia mengunjungi laman Internet yang tidak sesuai.	1.66	0.74
6. Saya hukum anak saya bila dia tidak menepati apa yang saya jangkakan berkait dengan penggunaan Internet.	2.25	0.43
7. Saya menetapkan peraturan yang ketat berkait dengan jumlah masa yang boleh mereka habiskan dengan Internet.	2.39	0.48
8. Saya memukul anak saya bila dia menggunakan <i>chat rooms</i> atau guna media sosial seperti <i>Facebook</i> , <i>Twitter</i> , dll.	1.87	0.85
9. Saya tahu kandungan Internet yang terbaik dan paling berguna untuk anak saya.	2.32	0.46
Jumlah	2.20	0.32

Gaya Keibubapaan Internet Pengabaian

Jadual 5 menunjukkan bahawa ibu bapa yang mengadaptasi gaya ini cenderung untuk meninggalkan anak-anak bersendirian apabila mereka menggunakan internet (M=2.09), mengamalkan komunikasi yang sedikit dengan anak-anak apabila mereka menggunakan internet, dan mengabaikan soalan anak yang berkaitan dengan kesukaran yang mereka jumpai di internet (M = 1.75). Ibu bapa gaya ini memberi skor yang sangat rendah dalam menerangkan kepada anak tentang apa yang perlu dilakukan di internet (M=1.42), dan tidak mengganggu anak semasa mereka menggunakan internet (M = 1.46).

Jadual 5: Taburan min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan pengabaian

Gaya Pengabaian	Min	SP
1. Saya meninggalkan anak keseorangan menggunakan internet	2.09	0.08
2. Saya tidak mempunyai masa untuk duduk bersama anak bagi memantau penggunaan internet	1.58	0.70
3. Disebabkan anak saya lebih tahu daripada saya tentang Internet maka saya tidak mengganggu mereka.	1.46	0.65
4. Saya mengelak untuk menerangkan kepada anak apa yang mereka perlu buat semasa menggunakan internet.	1.42	0.62
5. Saya sedikit sahaja berkomunikasi dengan anak tentang apa yang mereka jumpa di Internet.	1.93	0.93
6. Saya memberi anak saya kebebasan sepenuhnya bila dia berada di Internet.	1.73	0.79
7. Saya abaikan soalan anak yang berkait dengan kesukaran mereka menggunakan Internet.	1.75	0.80
8. Saya memilih untuk tidak terlibat dengan kerja-kerja anak saya semasa mereka menggunakan Internet	1.74	0.87
9. Saya jangkakakan anak menggunakan Internet dengan orang yang saya tidak kenal	1.51	0.73
Jumlah	1.69	0.61

Penggunaan Internet dalam kalangan Kanak-kanak

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pola penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak adalah bertujuan untuk hiburan dan bersosial. Aktiviti internet untuk tujuan pendidikan adalah sangat minimum. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa pembelajaran kanak-kanak juga dapat diperolehi secara tidak langsung melalui aktiviti yang ada unsur-unsur hiburan dan sosial. Secara puratanya, kajian ini mendapati bahawa penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak adalah sebanyak 3 jam sehari dan masa bertambah hampir sekali ganda pada hari minggu dengan purata 5 jam. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengguna kanak-kanak kajian ini adalah pengguna internet tegar.

Selain itu, kajian ini juga mengandungi beberapa soalan bagi mengenal pasti tahap penggunaan media dalam kalangan ibu bapa dan kanak-kanak. Secara umumnya kekerapan penggunaan pelbagai media lain adalah amat berguna untuk membandingkan jumlah masa penggunaan internet mereka. Adalah tidak memmeranjatkan apabila dilaporkan bahawa 60% ibu bapa dan 56% kanak-kanak menyatakan yang mereka menonton televisyen selama 1-3 jam sehari. Di rumah yang tidak mempunyai akses internet, kebanyakan ibu bapa juga

melaporkan bahawa mereka menonton sekitar 1-3 jam. Ini menunjukkan bahawa keluarga kajian menonton televisyen lebih daripada media lain di rumah.

Pengaruh Gaya Keibubapaan terhadap Penggunaan Internet Anak

Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan internet kanak-kanak adalah antara fokus utama kajian ini. Jadual 6 menunjukkan rumusan dapatan kajian yang berkaitan dengan empat gaya keibubapaan ke atas penggunaan internet anak.

Jadual 6: Analisis regresi pengaruh gaya keibupaan internet terhadap penggunaan internet anak

Pemboleh ubah	<i>b</i>	<i>SE</i>	β	<i>t</i>	<i>p</i>
Pemalar	3.536	.206		17.140	0.000
Gaya Autoritarian	.070	.046	.068	1.508	.132
Gaya Autoritatif	.205	.046	.027	4.489	.000
Gaya Permisif	-.035	.034	-.048	-1.041	.298
Gaya Pengabaian	.003	.025	.005	.101	.919

Nota. $N = 296$; $R = .209$, $R^2 = .044$; $F = 6.429$; $p = .000$

Merujuk Jadual 6, keputusan analisis menunjukkan bahawa model regresi pada keseluruhan secara statistik adalah signifikan ($F = 6.429$, $p < .000$). Nilai R^2 menunjukkan bahawa 4.4% daripada varian dalam penggunaan internet dijelaskan atas sebab semua pemboleh ubah yang digunakan.

Analisis regresi ini juga membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dan penggunaan internet anak ($\beta = .207$, $t = 4.489$, $p = .000$). Sementara bagi gaya keibubapaan yang lain (autoritarian, permisif, dan pengabaian) tidak terdapat hubungan dengan penggunaan internet anak.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Internet telah menjadi sebahagian perkara penting dalam kehidupan kanak-kanak masa kini. Malah kanak-kanak zaman ini telah terdedah kepada internet pada usia yang sangat muda, sama ada di rumah atau di sekolah (Hofferth, 2010). Justeru, kajian dan dapatan ini amat penting untuk menentukan sejauh mana keterlibatan ibu bapa dengan anak-anak dalam konteks penggunaan internet.

Secara umumnya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa gaya keibubapaan internet autoritatif adalah cara yang paling biasa digunakan oleh ibu bapa, diikuti dengan gaya permisif dan autoritarian. Sementara gaya pengabaian adalah cara yang paling sedikit digunakan oleh ibu bapa. Keputusan ini menggambarkan bahawa ibu bapa yang inginkan proses pembelajaran dalam kalangan anak-anak, seharusnya mengiktiraf potensi kesan positif

internet terhadap atas anak-anak. Mereka sepatutnya menyokong penggunaan internet oleh anak-anak dengan peraturan atau limitasi yang munasabah. Kajian ini selari dengan kajian Jones (2006), Lou dan rakan-rakan (2010), dan Valcke dan rakan-rakan (2010) yang mendapati majoriti ibu bapa mengamalkan gaya keibubapaan internet secara autoritatif. Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa gaya keibubapaan memainkan peranan yang penting dalam menggalak atau menghadkan pendedahan kanak-kanak terhadap internet.

Selain itu, gaya autoritatif juga dapat menggambarkan tentang hubungan yang berterusan antara ibu bapa dan anak-anak dalam keadaan yang tegas dan berdisiplin serta mesra. Cara hubungan yang sebegini amat penting dan perlu pada masa sekarang bagi menangani gejala keburukan yang boleh dibawa oleh internet terhadap anak-anak. Hubungan yang tidak mesra dan tidak tegas antara ibu bapa-anak boleh menyebabkan tingkah laku delikuan dalam kalangan kanak-kanak. Dalam konteks penggunaan nternet, hubungan yang tidak baik antara ibu-bapa dan anak menjadikan kanak-kanak lebih cenderung menggunakan internet secara ekstensif dan menjarakkan hubungan sosial mereka dengan ibu bapa (Sarina et. al, 2014). Banyak kajian lepas yang telah mencadangkan keperluan hubungan yang baik antara ibu bapa dengan anak-anak dapat mengurangkan tingkah laku yang berisiko dalam kalangan anak-anak. Sebagai kesimpulannya, gaya autoritatif yang diamalkan oleh kebanyakan ibu bapa berhubung dengan penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak perlu dipertingkatkan dan diperluaskan lagi pada setiap masa demi menjaga keharmonian keluarga. Hal ini kerana capaian internet oleh kanak-kanak yang begitu berleluasa dan tanpa kawalan memerlukan ibu bapa untuk memberikan perhatian yang lebih dekat dan berhati-hati terhadap apa sahaja aktiviti internet kanak-kanak.

RUJUKAN

- Anderson, C. A., Gentile, D. A., & Buckley, K. E. (2007). *Violent video game effects on children and adolescent*. New York; Oxford University Press.
- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development, 37*, 887-907.
- Baumrind, D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of preschool behavior. *Genetic Psychology Monographs, 75*, 43-88.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal of Early Adolescence, 11(1)*, 56-95.
- Berg, B. (2011). *The effects of parenting styles on a preschools aged child's social emotional development* (Master dissertation). Menomonie: University of Wisconsin-Stout. Didapati dari www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2011bergb.pdf
- Buri, J. R., Louiselle, P. A., Misukanis, T. M., & Mueller, R. A. (1988). Effects of parental authoritarianism and authoritativeness on self-esteem. *Pers Soc Psychol Bull 14(2)*: 271–282.

- Byun, Ruffni, Mills, Douglas, Niang, Stepchenkova, Lee, Loutfi, Lee, Atallah & Blanton, (2009). Internet addiction: Metasynthesis of 1999-2006. *Quantitative Research, CyberPsychology & Behavior*, 12, 203-207.
- DeBell, M., & Chapman, C. (2006). *Computer and Internet use by students in 2003*. National Center for Educational Statistics. U. S. Department of Education, Washington, DC. Diakses daripada <http://nces.ed.gov/pubs2006/2006065.pdf>.
- Duerager A. & Livingstone, S. (2012). *How can parents support children's Internet safety?* EU kids Online. Diakses daripada <http://www2.Ise.ac.uk/media@Ise/research/EUKidsOnline/EU%20Kids20111/Reports/ParentalMediation.pdf>
- Dwairy, M. (2004). Parenting styles and psychological adjustment of Arab adolescents. *Transcult Psychiatry* 41(2): 233–252.
- Facer, K., Furlong, J., Furlong, R., & Sutherland, R. (2003). *Screen play: Children and computing in the home*. London: RoutledgeFalmer.
- Fuchs, T., & Wobmann, L. (2005). Computers and student learning: Bivariate and multivariate evidence on the availability and use of computers at home and school. *Brussels Economic Review*, 47, 359-385.
- Hammer, J., & Black, J. (2009). Games and (preparation for future) learning. *Educational Technology Magazine: The Magazine for Managers of Change in Education*, 49,29-34.
- Hofferth, S. L. (2010). Home media & children's achievement & behaviour. *Child Development*, 81(5), 1598-1619.
- Johnson, G. M. (2006). Internet use and cognitive development: A theoretical framework. *E-Learning*, 4, 565-573.
- Johnson, G. M. (2010). Young children's Internet use at home and school: Patterns and profiles. *Journal of Early Childhood Research*, 8(3), 282-293.
- Johnson, G. M., & Buck, G. (2009). *Internet use during childhood: Gender differences in psychosocial and cognitive predictors*. Kertas kerja dibentangkan di The Annual Conference of the American Educational Research Association, San Diego, California.
- Johnson, G. M. & Johnson, J. A. (2008). Internet use and cognitive development during childhood: The ecological techno-subsystem. Dlm. M. B. Nunes, P. Isaias, & P. Powell (Eds.), *Proceeding of the IADIS International Conference, Information systems 2008*, (ms. 167-173). Algarve: IADIS.
- Johnson, G. M., Code, J., & Zaparyniuk, N. (2007). Online behavior and cognitive development. In C. Montgomerie & J. Seale (Eds.), *Proceeding of the World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications 2007 (1)*, (pp. 3279-3288).Virginia: AACE.
- Jones, P. (2006). Resources for promoting online citizenship. *Educational Leadership*, 63(4),41.
- Kuczynski, L. (2003). *Handbook of dynamics in parent-child interactions*. Thousand Oaks: Sage.
- Kumpete, A. T. (2006). The effects of computers on kindergarten children's social skills. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 5, 52-57.

- Kopko, K. (2007). Parenting styles and adolescent. Diakses daripada www.Parenting.cit.cornell.edu/documents/Parenting%20styles.pdf
- Li, X., & Atkins, M. S. (2004). Early childhood computer experience and cognitive and motor development, *Pediatrics*, *113*, 1715-1722.
- Livingstone, S. & Bober, M. (2006). Regulating the Internet at home: Contrasting the perspective of children and parents. Dlm. D. Buckingham & R. Willett (Eds), *Digital generations* (ms.93-113). Mahwah: Laurence
- Lou, S., Shih, R., Liu, H., Guo, Y., & Tseng, K. (2010). The influences of the sixth graders' parents' Internet literacy and parenting style on Internet parenting. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, *9*(4), 173-184.
- Maccoby, E. (1992). The role of parents in the socialization of children: An historical overview. *Developmental Psychology*, *28*, 1006-1017.
- Maccoby, E., & Martin, J. (1983). Socialization in the context of the family: Family-child interaction. In P. H. Mussen & E. M. Hetherington (Eds.) *Handbook of child Psychology: Vol. 4, Socialization, personality, and social development* (pp.1-101). New York: Wiley.
- Rideout, V., Foehr, U. G., & Roberts, D. F. (2010). Generation m2: Media in the lives of 8-18 year olds. Didapati dari <http://www.kff.org/entmedia/upload/8010.pdf>
- Rosen, L.D., Cheever, N.A., & Carrier, L.M. (2008). The Association of Parenting Style and Child Age with Parental Limit Setting and Adolescent MySpace Behavior, *Journal of Applied Developmental Psychology*, *29*, 459-471.
- Sarina, Y., Mohd Nizam, O., Md. Salleh, H. & Misha, T. (2014). Parents' influence on children's online usage. *Procedia-Social & Behavioral Sciences*, *155*, 81-86.
- Soeters, K., & Van Schaik, K. (2006). Children's experience on the Internet. *New Library World*. *107*(1220/1221), 31-36.
- The Star. (2009, 23 Jan). China closes down 1,250 sites in online porn crackdown. *The Star*, Malaysia.
- The Strait Times. (2009, 8 Julai). Red light for the green dam. *The Strait Times*, Singapore.
- Valcke, M., Bonte, S., Wever, B., & Rot, I. (2010). Internet parenting style and the impact use of primary school children. *Computer Education*, *55*, 454-464.
- Valcke, M., De Wever, B., Van Keer, H., & Schellens, T. (2011). Long-term use of young children. *Computers & Education*, *57*, 129-1305.
- Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2007). Pre adolescents' online communication and their closeness to friends. *Development Psychology*, *43*, 267-277.
- Vandewater, E. A., Shim, M., & Caplovitz, A. G. (2004). Linking obesity and activity level with children's television and video game use. *Journal of Adolescence*, *27*, 71-85.
- Van Deventer, S. S., & White, J. A. (2002). Expert behavior in children's video game playing. *Simulations and Games*, *33*, 28-48.

PROFIL PENULIS

Wan Anita Wan Abas adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Minat kajian dan penerbitan adalah banyak berkait dengan isu-isu penggunaan media dan komunikasi dalam konteks keluarga dan masyarakat. Pada masa sekarang terlibat sepenuhnya sebagai salah seorang penyelidik bersama mewakili Malaysia dalam Projek *Media Literacy as Media Competence for Social Change* yang ditaja oleh Erasmus+ (Kesatuan Eropah). Projek ini dilaksanakan secara kerjasama dengan Thailand, Vietnam, Austria, Belanda, dan Jerman.